

Laluan larian Suwaibah selamat

Oleh

METRA SYAHRIL MOHAMED

metra.mohamed@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 24 Ogos – Laluan Larian Sahara sejauh 1,111 kilometer yang akan disertai secara solo oleh bekas anggota **Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM)**, Suwaibah Muhammad Nasir mendapat jaminan keselamatan daripada pihak berkuasa Mesir.

Pengurus Larian Sahara, Sheikh Ahmad Dusuki Sheikh Mohamad berkata, jaminan itu diberikan pihak berkuasa tersebut semasa Suwaibah mengadakan tinjauan laluan larian berkenaan pada 15 Ogos lalu.

Menurut beliau, selain pihak berkuasa, kawalan keselamatan itu turut mendapat kerjasama pemimpin pelbagai kabilah di negara terbabit. “Laluan sejauh 1,111 kilometer iaitu dari Aswan ke Rafaj adalah laluan yang selamat untuk Suwaibah melakukan larian merentasi Gurun Sahara.



Suwaibah Muhammad Nasir mengadakan tinjauan laluan Larian Sahara pada 15 Ogos 2011

“Kita juga mendapat sokongan dan kerjasama pihak kedutaan Malaysia di sana. Sepanjang tinjauan itu, kita juga dapat melihat kesesuaian kawasan persekitaran,” katanya kepada Utusan Malaysia di sini hari ini.

Suwaibah dijangka memulakan misi lariannya yang dinamakan *Sailing the Sands of Sahara* pada 1 November depan pada pukul 11.11 pagi dari Aswan, Mesir.

Larian yang dijangka mengambil masa 35 hari itu akan bermula dari Aswan ke Luxor sejauh 179 kilometer, Luxor-Sohag-Assyut (221 kilometer), Assyut-Al-Minya-Giza-Kaherah (318 kilometer) dan Kaherah ke Suez sejauh 125 kilometer.

Seterusnya laluan mencabar menanti Suwaibah dari Suez ke Port Said sejauh 146 kilometer sebelum menamatkan misinya di laluan Port Said Rafaj sejauh 122 kilometer.

Sheikh Ahmad Dusuki berkata, sempena larian itu, pihaknya turut menyeru orang ramai untuk menghulurkan derma dan tajaan bagi menjayakan larian tersebut.

“Ia penting kerana sebahagian sumbangan itu juga akan disalurkan untuk membantu pendudukan Palestin khususnya di Gaza.

“Selain itu ia akan didermakan kepada Tabung Bantuan Pulih Wajah Nurul Dahyatul Fazlinda-YPU, Persatuan Kanser Malaysia dan Yayasan Buah Pinggang,” tambahnya.

Petikan: Utusan Malaysia 25 Ogos 2011